

NO. SOALAN : 514

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- (a) usaha dan bantuan Kementerian kepada 'Melaka International Kite Festival' yang dianjurkan oleh Persatuan Rakan Layang-layang Melaka ; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mengadakan satu pertandingan membuat 'wau' tempatan demi mempromosikan permainan wau tempatan yang unik ini .

302

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Melaka sememangnya memberikan kerjasama yang berterusan kepada Persatuan Rakan Layang-Layang Negeri Melaka dalam penganjuran acara Melaka *International Kite Festival* sejak tahun 2010 sehingga ke hari ini. Hal ini kerana Kementerian berpandangan bahawa aktiviti permainan layang-layang ini bukan sahaja dapat menarik minat pemain layang-layang tempatan, malah ia juga berjaya menarik minat pelayar layang-layang di peringkat antarabangsa untuk datang ke negeri Melaka.

Bantuan yang diberikan oleh pihak Kementerian adalah dalam bentuk penajaan dan juga khidmat nasihat. Sejak tahun 2010 Kementerian telah menyumbang sebanyak RM79,630 secara keseluruhan kepada Persatuan Rakan Layang-Layang Negeri Melaka bagi program yang dianjurkan mereka termasuk 'Melaka *International Kite Festival*' (sejak ia mula dianjurkan). Pecahan sumbangan / bantuan yang diberikan adalah seperti berikut :-

Bil.	Tahun	Program	Jumlah (RM)
1.	2010	Pesta Layang-Layang Antarabangsa Melaka	1,680
2.	2011	Pesta Layang-Layang Antarabangsa Melaka	10,000

Bil.	Tahun	Program	Jumlah (RM)
3.	2012	Pesta Layang-Layang Antarabangsa Melaka	10,000
4.	2012	Wei Fang International Kite Festival	5,000
5.	2012	Karnival Marina	2,950
6.	2013	Pesta Layang-Layang Antarabangsa Melaka	10,000
7.	2014	Festival Layang-Layang Antarabangsa Melaka Sempena Sambutan Hari Malaysia	10,000
8.	2014	2nd. Beijing International Kite Festival	5,000
9.	2015	Festival Layang-Layang Antarabangsa Melaka	5,000
10.	2015	Festival Layang-Layang Antarabangsa Melaka Sempena Sambutan Hari Malaysia	5,000
11.	2016	Festival Layang-Layang Antarabangsa Melaka	10,000
12.	2017	Festival Layang-Layang Antarabangsa Melaka	5,000
Jumlah :			79,630

Selain Kementerian, MOTAC Melaka turut bertindak sebagai sebahagian daripada urus setia bagi setiap program Melaka *International Kite Festival* di samping mempengerusikan Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi memastikan penganjuran program di atas sentiasa berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini belum lagi menganjurkan sebarang pertandingan membuat 'wau' tempatan bagi tujuan mempromosikan permainan wau tempatan yang unik atas faktor kekangan peruntukan. Bagaimanapun Kementerian berpandangan cadangan tersebut adalah baik dan akan mempertimbangkannya untuk program-program di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.